



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

PMR 2025 KELANTAN MANIFESTASI KOMITMEN KERAJAAN MEMACU SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

KOTA BAHARU, 09 OGOS 2025 - Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Kelantan telah melabuhkan tirainya hari ini setelah berlangsung selama tiga hari, bermula 7 hingga 9 Ogos 2025 di Pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan. Program ini berjaya menarik 182,974 orang pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat, membuktikan sokongan padu rakyat terhadap aspirasi Kerajaan untuk mendekatkan dasar dan perkhidmatan terus ke akar umbi.

PMR 2025 Kelantan merupakan inisiatif Pejabat Perdana Menteri (PMO) melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM) sebagai penganjur bersama.

STI UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

Dengan tema “Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) untuk Kesejahteraan Rakyat”, PMR 2025 Kelantan menyerlahkan iltizam Kerajaan MADANI dalam memastikan tiada pihak yang tercicir daripada arus pembangunan negara yang berpaksikan teknologi dan inovasi.

MOSTI tampil menerajui pelbagai aktiviti dan pameran sains interaktif, inovasi teknologi tempatan, serta peluang pembiayaan untuk usahawan teknologi. Penglibatan agensi-agensi di bawah MOSTI telah membuka ruang kerjasama dan akses kepada peluang pembangunan bagi masyarakat setempat termasuk pelajar, belia, usahawan, dan penduduk luar bandar.

PMR 2025 Kelantan menyerlahkan peranan STI sebagai pemacu kemajuan inklusif. Antara sorotan utama adalah:

- Pameran “Touch & Feel” – Pengunjung berpeluang mencuba secara langsung teknologi terkini seperti kereta hidrogen, dron pertanian, sistem pengesanan radiasi, ujian ketulenan emas dan paparan hologram, yang mempamerkan potensi STI dalam meningkatkan keselamatan, produktiviti dan inovasi tempatan.
- Program Pendidikan & STEM – Aktiviti seperti STEM Camp, Planet Rover solar, pameran AI & e-sukan, serta program STI 100³ memberi peluang kepada pelajar dan belia meneroka kerjaya dalam bidang teknologi masa depan.
- Teknologi Pertanian & Perikanan Pintar – Demonstrasi dron pertanian untuk pemantauan tanaman dan aplikasi pintar bagi nelayan, membuktikan peranan teknologi dalam meningkatkan hasil dan mengurangkan kos operasi.
- Platform Niaga Anak Digital Kelantan (NADI) – Usahawan muda, termasuk pelajar berusia 16 tahun, memanfaatkan platform digital untuk memasarkan produk warisan seperti wau sobek ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

PERKHIDMATAN & KEMUDAHAN TERUS KEPADA RAKYAT

Selain STI, PMR 2025 Kelantan menyediakan pelbagai inisiatif kemasyarakatan yang mendapat sambutan hangat, antaranya:

- Pertukaran Topi Keledar Percuma – Disediakan oleh JPJ untuk meningkatkan keselamatan penunggang motosikal.
- Kaunter Diskaun Saman Trafik oleh PDRM – Potongan sehingga 50% membantu rakyat menyelesaikan saman tertunggak sambil meningkatkan kesedaran undang-undang jalan raya.
- Bas Mekar NRD – Menyediakan perkhidmatan mudah alih pendaftaran MyKad, sijil kelahiran, dan dokumen penting lain secara cepat dan efisien.
- Pentas Utama & Pentas Mini – Sesi Pocket Talk dan permainan Kahoot berkaitan topik semasa, dasar kerajaan, dan isu rakyat dengan penyertaan aktif pengunjung.
- Jualan Rahmah – Penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan eKasih boleh membeli barangan keperluan dengan hanya menunjukkan MyKad.
- Aktiviti Tambahan – Perkhidmatan gunting rambut percuma oleh RELA, Jualan Agro MADANI, dan pameran usahawan tempatan.

PERASMIAN PENUTUPAN OLEH YAB PERDANA MENTERI

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 9 Ogos 2025 (Sabtu), disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan, YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi serta kepimpinan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri telah menekankan pentingnya STI dalam memperkasakan komuniti dan membina masa depan negara yang lebih sejahtera dan berdaya tahan.

PENYAMPAIAN /PENYERAHAN PROJEK RAKYAT

Sebanyak RM6.993 juta diberikan kepada Negeri Kelantan sebagai simbolik Peluncuran pelaksanaan Program Tuisyen Madani dibawah Inisiatif Pembasmian Kemiskinan.

PROGRAM PERANTI MADANI

10 pelajar cemerlang STPM 2024 telah menerima peranti Madani berupa komputer riba beserta hadiah kecemerlangan berbentuk sijil Simpanan Premium bernilai RM1000.

Perdana Menteri turut menyumbang sebanyak RM48,000 kepada kelab permotoran berdaftar di Kelantan.

MOSTI KOMITED TERUS MENDEKATI RAKYAT

MOSTI merakamkan penghargaan kepada semua pengunjung, rakan strategik dan agensi pelaksana atas kejayaan penganjuran PMR 2025 Kelantan. Program ini membuktikan bahawa penyampaian berteraskan STI mampu memberi impak besar jika dilaksanakan secara inklusif dan menyeluruh.

Seiring aspirasi Malaysia MADANI, MOSTI kekal komited menjadikan sains, teknologi dan inovasi sebagai pemangkin pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

“Sains dan Inovasi Untuk Semua – Rakyat MADANI Ke Arah Masa Depan Lebih Cerah”

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI
09 OGOS 2025**

